

Headline	`Arul Selvaraj ada karakter tersendiri`		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jul 2020	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	38
ArticleSize	166 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,618		



Kuala Lumpur: Kehadiran Arul Selvaraj (*gambar*) selaku penolong ketua jurulatih skuad hoki senior negara memberi nilai tambah kepada Malaysian Tigers untuk menghadapi kejohanan pada masa depan.

Penyerang skuad negara, Muhammad Haziq Samsul berkata, Arul seorang jurulatih berkaliiber dan mempunyai pendektan latihan berbeza berbanding jurulatih lain.

“Saya pernah di bawah bimbingannya ketika dia menjadi jurulatih skuad remaja. Dia jurulatih yang mempunyai karakter tersendiri.

“Pengalamannya juga cukup luas ketika membimbing pasukan kebangsaan dan kelab,” katanya.

Ditanya spekulasi Arul

‘Arul Selvaraj ada karakter tersendiri’

bakal menjadi pengganti kepada ketua jurulatih, Rodelant Oltmans yang kontraknya akan tamat pada tahun ini, Haziq berkata sebagai pemain mereka harus

dapat menyesuaikan diri dengan mana-mana jurulatih.

Jelas Haziq, apa yang penting ialah persiapan dirinya sendiri yang

bertekad mahu

kembali beraksi selepas dua tahun dibayangi dengan kecederaan.

“Selama dua tahun saya mengalami prestasi turun naik. Ia bukanlah tempoh yang mudah. Kini saya sudah kembali cergas sepe-

nuhnya dan mahu kembali beraksi,” katanya.

Oltmans menerusi laporan kelmarin berkata, MHC mungkin sudah mempunyai perancangan untuk menggantikan dirinya dengan Arul selaku ketua jurulatih kebangsaan.

Ia selepas badan induk itu melantik Arul yang juga jurulatih Universiti Kuala Lumpur (UniKL) sebagai penolong ketua jurulatih dan akan menyertai pasukan 15 Ogos depan.

Arul yang juga bekas pemain kebangsaan, mempunyai pengalaman kejurulatihan di Malaysia, Afrika Selatan dan Ireland, selain UniKL, di mana beliau membantu pasukan universiti itu meraih treble Liga Hoki Malaysia pada Februari lalu dengan memenangi kejuaraan liga, Piala Sumbangsih dan Piala TNB.

